

28/06/1998

Parti kemuka syor pulih kegawatan

KUALA LUMPUR: Parti Gerakan mengemukakan beberapa cadangan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) ke arah pemulihan ekonomi negara.

Memorandum itu diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi MTEN merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan ke-27 parti itu di sini, semalam.

Memorandum itu disediakan Biro Ekonomi dan Penyelidikan Kebangsaan parti.

Gerakan antara lain menggesa peningkatan ketelusan dalam penggubalan dasar dan membuat keputusan bagi mengurangkan penyebaran khabar angin.

Juga, pertalian antara politik dan perniagaan hendaklah diputuskan dan tidak harus ada unsur komersil dalam politik dan unsur politik dalam perdagangan.

"Mengenai pemberian pinjaman oleh bank, pasaran kewangan diselubungi khabar angin bahawa sebahagian daripada pinjaman diberikan berdasarkan pertalian politik dan bukan berdasarkan viabiliti kewangan dan kajian kemungkinan projek", menurut memorandum itu.

Satu lagi isu ialah pemberian kontrak penswastaan kepada firma yang mempunyai hubungan politik.

Isyarat yang diberikan ialah pertalian politik lebih diambil kira daripada ciri-ciri keusahawan seperti bekerja keras dan sedia menanggung risiko.

Gerakan turut mencadangkan pemilikan ekuiti diliberalkan lagi sementara peraturan ekuiti seperti termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru dilonggarkan.

Mengenai dasar kewangan, memorandum itu menyebut bahawa kadar faedah tidak harus dibenar mencapai satu tahap (kini kos dana setinggi 20 peratus), dan bimbang bahawa pelaburan dalam sektor utama seperti pengeluaran makanan dan pembangunan sumber manusia, pembuatan bagi eksport serta pelancongan akan menurun.

Ia menyatakan bahawa pengajaran daripada krisis kini ialah kerajaan tidak boleh dan tidak harus membenarkan liberalisasi modal tanpa sokongan dan pemantauan institusi yang secukupnya.

(END)